

4.3 PIHAK YANG BERKEPENTINGAN KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. Maklumat berikut berkaitan dengan sebab pihak berkepentingan memerlukan penyata kewangan

- Menilai prestasi perniagaan
- Membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran seperti bonus dan dividen
- Membuat perbandingan prestasi kewangan antara tahun semasa dengan tahun

Siapakah pihak yang berkepentingan berdasarkan pernyataan di atas?

- A Pihak pengurusan
- B Pelabur
- C Pembiaya
- D Pembekal

2. Rajah yang berikut berkaitan dengan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan.



Siapakah X?

- I Pihak pengurusan
- II Institusi kewangan
- III Pelanggan
- IV Pengimport
- A I dan II
- B I dan III

- C II dan IV
- D III dan IV

3. Antara yang berikut, yang manakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak – pihak tertentu dalam perniagaan?

	Pihak Berkepentingan	Kepentingan
I	Pengurusan	Menentukan jumlah dividen yang perlu dibayar kepada pemegang saham
II	Pelabur	Membuat keputusan untuk melabur atau melepaskan pegangan ke atas saham syarikat
III	Pembiaya	Panduan bagi menyusun strategi perniagaan seterusnya
IV	Pekerja	Asas kepada tuntutan untuk mendapatkan royalty

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV